



TARIAN tradisional persembahan pelajar Indonesia turut mendapat perhatian.

Malam kebudayaan antarabangsa UPM tarik ribuan pengunjung

Oleh Mohd Faisal Md Noor
bhvarsiti@bharian.com.my

MALAM Kebudayaan Pelajar Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menarik perhatian ribuan pengunjung berlainan bangsa dan budaya.

Majlis yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara pelajar tempatan dengan antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di universiti itu anjuran bersama *International Students Association* (UPMISA) dan Pusat Antarabangsa UPM.

Bertemakan *Unity in Diversity*, ia juga menjadi landasan paling dekat bagi pelajar

melakukan aktiviti riadah dan berkumpul beramai-ramai bagi meraikan persembahan kebudayaan yang pelbagai.

Sembilan persembahan menarik disajikan kepada pengunjung oleh pelajar dari Yaman, Indonesia, Iraq, Arab Saudi, Vietnam, Iran dan Malaysia.

Presiden UPMISA, Hafeez Babar, berkata selain dapat mempromosikan jenama UPM pada peringkat antarabangsa, program seumpama itu dapat menggalakkan aktiviti interaksi kebudayaan.

"Program ini ialah aktiviti tahunan dan ia memenuhi matlamat utama kami, merapatkan hubungan antara pelajar dan mendedahkan kepada

masyarakat kepelbagaian (budaya) yang ada di sini.

"Selain itu, sambutan diterima amat menggalakkan dan setiap tahun kami dapati ada bilangan pengunjung bertambah. Ini membuktikan masyarakat peka dengan setiap program yang dianjurkan di UPM, sekali gus membuktikan jenama UPM semakin dekat dengan orang ramai," katanya.

Majlis itu dihadiri Naib Canselor UPM, Prof Tan Sri Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Duta Pakistan, Iraq serta Iran.



ADAT istiadat tradisional Melayu turut disajikan kepada pengunjung malam kebudayaan antarabangsa.